

Latihan PdPR Tahun 5 (30 Jun 2021)

Tema 4 : Perpaduan

Unit 10 : Memupuk Perpaduan / Buku Teks m/s 80

A Lengkapkan teks dengan Kata Imbuhan Apitan

Kita Tetap Bersahabat

Daripada : farisha@ymel.com
Kepada : sindalikan@ymel.com
Perkara : Aktiviti Perpaduan

Tujuan saya mengirim e-melini adalah untuk bercerita tentang aktiviti memupuk perpaduan di sekolah saya. Antara programnya termasuklah pertandingan drama muhibah, larian sehati sejiwa, malam kebudayaan dan sukaneka perpaduan. Program itu untuk melahirkan peserta yang dapat menjiwai erti perpaduan.

Setiap aktiviti dan penyertaan dalam sesebuah pasukan perlu melibatkan murid berbilang kaum. Pihak sekolah juga mengundang sebuah kumpulan kebudayaan dari Sarawak dan Sabah. Mereka beraksi untuk _____ **(-meriah-)** malam kebudayaan. Seperti kata pemimpin, rakyat mestilah bertoleransi dan mengelakkan perpecahan. Pada hari itu, peserta saling _____ **(-salam-)** dan bermaafan.

Semangat _____ **(-kita-)** jelas kelihatan melalui program itu. Program itu dapat memupuk semangat perpaduan dan _____ **(-kembang-)** bakat kerana budaya yang _____ **(-waris-)** bangsa perlu _____ **(-rai-)** agar sentiasa subur.

Akhir kata, saya berharap agar saudara juga sudi menceritakan aktiviti perpaduan di sana. Kita patut _____ **(-syukur-)** nikmat muhibah di negara kita. Saya berharap semoga tali _____ **(-saudara-)** kita terus terjalin. Walaupun jauh di mata, dekat di hati. Kita tetap bersahabat.

Sekian, terima kasih.

Tema 4 : Perpaduan

Unit 10 : Memupuk Perpaduan / Buku Teks m/s 80

Kata Imbuhan Apitan

Kita tetap Bersahabat

	Perkataan	Imbuhan	Kata dasar	Imbuhan
1	menceritakan	men-	cerita	-kan
2	perpaduan	per-	padu	-an
3	pertandingan			
4	kebudayaan			
5	melahirkan			
6	kelihatan			
7	perkembangan			
8	menjiwai			
9	penyertaan			
10	melibatkan			
11	memeriahkan			
12	bertoleransi			
13	diraikan			
14	mensyukuri			
15	mengelakkan			
16	perpecahan			
17	bersalaman			
18	bermaafan			
19	kekitaan			
20	diwarisi			
21	persaudaraan			